



Lakukan perubahan untuk kekal relevan

Kuala Lumpur: Selaras tema Pendidikan Tinggi 4.0: Ilmu, Industri dan Insan yang dibentangkan dalam Amanat Tahun Baharu 2018 Menteri Pendidikan Tinggi, universiti awam (UA) harus melakukan perubahan supaya bidang pengajian tinggi kekal relevan seiring perkembangan industri dunia pada masa depan.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata UA perlu membuat perubahan supaya mampu menawarkan nilai kukuh kepada masyarakat dalam konteks Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Beliau berkata, sudah tiba masa universiti melihat perkara itu secara serius, malah dirinya percaya bahawa 2018 adalah tahun perubahan.

Sesuai dengan

"Dalam amanat Menteri turut diselitkan kisah beberapa individu terkemuka dunia yang berjaya dalam kerjaya masing-masing tanpa memerlukan ijazah dari universiti. Saya melihat itu sebagai satu tanda masyarakat boleh melangkahi universiti untuk menjadi seorang yang

bernilai tinggi.

"Jika universiti tidak membuat perubahan, mungkin lebih ramai individu bernilai tinggi tanpa mendapatkan pendidikan di universiti akan dihasilkan pada masa depan.

"Oleh itu, universiti perlu menyemak semula dan memastikan penawaran sesuatu yang bernilai kepada masyarakat. Dalam konteks UKM, saya mula menjadikan perubahan ini misi sejak tiga tahun lalu kerana jika kita tidak berubah, kita tidak lagi relevan," katanya.

Sementara itu Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata universiti harus membuat perubahan bersesuaian Industri 4.0.

Beliau berkata, perkembangan sistem kecerdasan buatan (AI) dan robotik begitu pesat, bahkan mungkin mengambil alih peranan manusia, namun bukan bermakna tenaga kerja manusia tidak diperlukan lagi.

"Sebaliknya, kita perlu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku kerana apabila teknologi semakin canggih, ia akan memberi kesan dan pengaruh terhadap cara manusia meneruskan kehidupan mereka.

"Oleh itu, kita mesti melengkapkan manusia dengan ilmu pengetahuan lebih tinggi dan canggih seiring perubahan teknologi melalui pelaksanaan kurikulum boleh lentur serta fleksibel. Pada masa sama, mendekatkan diri dengan industri supaya dapat memahami perubahan dan keperluan industri pada masa depan," katanya.

Utamakan keindustrian

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, pula berkata dalam usaha mereka bentuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan teknologi, aspek kemanusiaan dan insan tidak boleh diabaikan.

"Sehubungan itu, program ditawarkan universiti perlu menyelitkan elemen sosiologi dengan gabungan kecanggihan teknologi untuk memantapkan lagi proses PdP yang mampu menghadapi Industri 4.0," katanya.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Seri Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim, berkata berbekalkan pelbagai kejayaan diraih hingga kini, UA tiada masalah besar merealisasikan tuntutan pendidikan tinggi digaris-

Amanat Tahun Baharu 2018 Menteri Pendidikan Tinggi



Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali



Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak

kan Menteri.

"Menteri memulakan amanat dengan kejayaan luar biasa dicapai pendidikan tinggi negara. Saya percaya bahawa pencapaian itu boleh dikaitkan dengan inovasi diperkenalkan kementerian dan hasil usaha gigh semua IPT di negara ini.

"Sejajar tuntutan era Industri 4.0, pendidikan harus berubah, termasuk dari segi kaedah PdP, pentaksiran fleksibel dan boleh lentur, serta menjadikan keinsanan keutamaan dalam semua keadaan," katanya.